

UMS komited lebih efisien dalam penggunaan tenaga

OLEH ERSIE CHELL ANJUMIN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited meneruskan usaha mengurangkan penggunaan tenaga di dalam kampus.

Usaha terbabit diperkukuhkan lagi dengan menandatangani Letter Of Intent (LOI) bersama SEDA Malaysia.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah (gambar) berkata kerjasama antara Seda itu akan membawa manfaat kepada kedua-dua pihak sekaligus membantu UMS dalam mengurus sistem penggunaan tenaga lebih efisien pada masa hadapan.

"Infrastruktur UMS membangun dengan pantas justeru UMS perlu lebih efisien mengawal selia sistem pengurusan tenaga agar lebih cekap dan mampu mengurangkan perbelanjaan universiti terutamanya kos utiliti.

"Matlamat ini juga dapat mengekalkan harmoni bumi hijau berdasarkan sikap warga UMS sendiri dalam penjimatan tenaga di tempat kerja," katanya sempena majlis menandatangani LOI antara UMS dan Seda Malaysia.

Harun berkata UMS juga telah bersedia dalam mengimplemtasi segala nilai dan elemen yang berkaitan penjimatan tenaga dan pengurusan sisa buangan elektronik.

Katanya usaha itu adalah selaras dengan hasrat UMS untuk menjadi peneraju utama model IPT dalam pemuliharaan alam sekitar di Malaysia.

Sementara itu, Pengerusi Seda, Datuk Yee Moh Chai berharap kerjasama antara dua pihak itu dapat menjadikan UMS sebagai satu kampus lestari dan rendah karbon yang unggul di negara ini.

Menurutnya Seda berperanan untuk menadbir dan menguruskan pelaksanaan



mekanisme tarif galakan.

Katanya lagi Seda juga melaksanakan pembangunan tenaga, fasilitasi dan latihan kepada agensi-agensi kerajaan termasuk agensi kerajaan negeri yang memerlukan.

"Justeru dengan adanya kerjasama Seda dan UMS dalam pembangunan tenaga lestari iaitu menerusi pengalaman dan kepakaran yang diperolehi bersama, diharap kerjasama ini dapat diperkembangkan dan dimanfaatkan terutama kepada penyelidik, mahasiswa dan orang awam khususnya di Sabah dan Malaysia amnya," katanya.